

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

3. Pada masa kini Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bekerjasama kerana parti yang sama memerintah. Oleh itu bolehkah bayaran Skim Pelajar Emas i-Sejahtera didaftarkan diperingkat sekolah dan dibayar di sekolah untuk kemudahan pelajar dan ibubapa?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri dalam perancangan untuk mengadakan pertemuan dengan Kementerian Pendidikan bagi membincangkan cadangan untuk membenarkan pihak sekolah terlibat dalam pendaftaran, pengesahan dan pembayaran bagi Program Skim Pelajar Emas tanpa perlu melibatkan pengisian borang secara manual dan mengurangkan birokrasi. Pembayaran juga dicadangkan dilakukan secara *electronic fund transfer (EFT)* bagi pelajar yang mempunyai akaun bank dan pembayaran secara tunai di sekolah bagi pelajar yang tidak mempunyai akaun agar memudahkan para pelajar menuntut wang sumbangan dan secara langsung menjimatkan masa serta kos pengangkutan.